

08/05/2000

Politik wang dikesan di peringkat negeri

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa kempen politik wang bagi membeli undi menjelang pemilihan di Perhimpunan Agung Umno bermula Rabu ini, masih berlaku tetapi ia beralih ke negeri-negeri.

"Saya masih dapat laporan dari luar Kuala Lumpur yang mana ada juga duit, sogokan yang diberi kepada perwakilan. Saya sedang menyiasat ini dan saya akan dedahkan ini secara langsung ataupun secara tidak langsung," katanya.

Presiden Umno diminta mengulas sama ada beliau berpuas hati terhadap tahap kempen yang agak minimum, selepas calon naib presiden membuat perakuan bertulis untuk menghentikan segala bentuk kempen manakala kempen bagi calon jawatan Majlis Tertinggi (MT) diminimumkan.

Terdahulu, Perdana Menteri menyampaikan hadiah di upacara Larian Piala Thomas/Uber KL 2000 di Dataran Merdeka, di sini.

Dr Mahathir berkata, kegiatan itu masih berlaku walaupun kegiatan kempen nampak berkurangan setelah pelbagai usaha dilakukan untuk membanteras kegiatan tidak sihat yang menjerus kepada politik wang.

Antara langkah terbaru ialah meminta perwakilan, terutama yang dikenali sebagai 'G7' yang dipilih ke perhimpunan agung parti dan berkeliaran di ibu negara bagi menemui serta meminta sesuatu daripada calon, supaya pulang ke negeri masing-masing.

'G7' merujuk kepada tujuh daripada 12 perwakilan yang dipilih oleh setiap bahagian Umno untuk menghadiri perhimpunan agung Umno. Lima yang lain iaitu Ketua, Timbalan dan Naib Ketua Bahagian, serta Ketua Pemuda dan Wanita, menjadi perwakilan secara automatik.

Ditanya sama ada nasihatnya yang meminta perwakilan terbabit supaya balik ke negeri masing-masing dan tidak harus berada di ibu negara sebelum perhimpunan sebenar diadakan memberi kesan positif, Dr Mahathir berkata kesan itu memang ada.

"Saya rasa ada kesannya. Saya tidak tahu sama ada ia 100 peratus berkesan tetapi Kuala Lumpur senyap sedikit sekarang. Kebanyakan mereka sudah balik. Jika mereka tidak pulang ke negeri masing-masing, kita akan tahu mereka orang jenis apa. Jika kita boleh mengenal pasti mereka, mereka akan mendapati kerjaya mereka dalam Umno adalah terhad," katanya.

Bagaimanapun, katanya, jika seseorang calon yang menang tetapi dibuktikan menggunakan wang bagi mencapai kemenangan itu, maka MT akan menimbang mengenai bentuk tindakan yang perlu diambil.

Mengenai budaya surat layang yang dikatakan kembali menjelma selepas kempen diminimumkan, Dr Mahathir berkata ia adalah budaya lama sambil menyifatkan penyebarannya sebagai pengecut.

"Ini adalah perbuatan pengecut, mereka yang tak berani menghadapi serangan oleh orang lain, hentam daripada belakang, semua yang buruk ada kepada orang yang mengeluarkan surat layang yang menggunakan Internet. Mereka ini adalah orang yang tidak berguna," katanya.

(END)